

PJP/2010/PBPI (5G) S699

**KEFAHAMAN, KESEDARAN DAN AMALAN ETIKA KERAHSIAAN DALAM
KALANGAN PEKERJA-PEKERJA AWAM DAN SWASTA SUATU
PERBANDINGAN: KAJIAN KES DALAM POLIS DIRAJA MALAYSIA,
HOSPITAL DAN KAKITANGAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
MELAKA (UTEM)**

**KETUA PENYELIDIK
MOHAMAD BIN HJ. BOKHARI**

**PENYELIDIK
DR. SYED NAJMUDDIN BIN SYED HASSAN
EN. ROSLI BIN SAADAN
EN. AHMAD JAWAHIR TUGIMIN
EN. AZIZ BIN YAHYA**

**PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

2011

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerjasama saya dengan rakan-rakan penyelidik yang telah dinyatakan pada muka hadapan Projek Penyelidikan Jangka Pendek / PJP/2010/PBPI (5G) S699

10 Oktober 2011

MOHAMAD BIN HJ. BOKHARI

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka, saya dapat menyiapkan kajian Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) ini dengan sempurnanya. Sepanjang tempoh kajian ini dijalankan banyak bantuan, sokongan dan kerjasama telah saya terima daripada pelbagai pihak. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada mereka yang berkenaan.

Ucapan ribuan terima kasih saya tujukan kepada rakan-rakan penyelidik iaitu Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan, Encik Rosli Saadan, Encik Aziz bin Yahya dan Encik Ahmad Jawahir Tugimin yang telah banyak memberi buah fikiran, semangat dan dorongan sehingga dapat menghasilkan penulisan yang berkualiti. Tidak ketinggalan kepada Ybhg. Dr. Mariana Yusof, Dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI), Dr. Asiah Hj. Mohd Pilius, Timbalan Dekan Akademik PBPI, mantan Dekan PBPI, Profesor Dr. Mohd. Taib Dora, Encik Muhd Akmal Noor Rajikon, Puan Norfazilah Abdul Hamid, Encik Rahmat Aziz, Encik Azizi Hashim dan Puan Suhadawati Ahmad yang telah memberi ilham sehingga tamat penulisan kajian ini dilaksanakan.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga dirakamkan kepada keluarga saya iaitu isteri tercinta (Asiah Ab. Samad) yang sentiasa mendorong dan membantu sama ada dari segi fizikal, mental dan sipiritual. Anak-anak (Salwa, Khairiah, Masturah, Nabilah, Halimahtussaadiyah, Muhammad Najib dan Muhammad Najmi) yang merupakan sumber inspirasi kepada penghasilan kajian ini.

ABSTRAK

Kerahsiaan merupakan satu konsep yang mempunyai implikasi etika dan perundangan untuk pengamal kesihatan mental. Dalam hal ini, tanggungjawab yang penting bagi pengamal kesihatan mental adalah untuk menjamin isu kerahsiaan klien. Klien mempunyai hak agar komunikasi mereka dirahsiakan. Dalam hal ini, kakitangan awam termasuk penjawat awam seperti pihak polis, doktor, jururawat dan kakitangan pentadbiran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) iaitu khususnya Ketua Penolong Pendaftar, Penolong Pendaftar, Pembantu Pegawai Tadbir dan setiausaha (PA) adalah tertakluk dalam memelihara etika kerahsiaan organisasi masing-masing. Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif untuk melihat kefahaman, kesedaran dan amalan etika kerahsiaan dalam kalangan kakitangan perkhidmatan PDRM, hospital dan staf pentadbiran UTeM. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kuantitatif melibatkan seramai 500 orang responden yang terdiri daripada kakitangan PDRM di cawangan negeri Melaka (n=158); doktor, jururawat dan pembantu hospital kerajaan serta swasta di negeri Melaka (n=229) dan kakitangan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (n=113). Soalselidik yang digunakan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A: "Demografi", Bahagian B: "Kefahaman", Bahagian C: "Kesedaran" dan Bahagian D: "Amalan Etika Kerahsiaan" yang mengandungi sejumlah 41 item. Indeks kebolehpercayaan bagi analisis item yang digunakan mempunyai nilai *Alpha Cronbach* 0.92. Analisis data dijalankan melalui pendekatan statistik inferensi dengan menggunakan perisian *Statistical Package of the Social Science* (SPSS versi 18.0) iaitu analisis Korelasi Pearson, *Multigen Regression Stepwise* atau Model Regresi Linier Pelbagai dan ANOVA Sehalu. Kajian ini mendapati bahawa sesetengah penjawat awam berkenaan adalah kurang patuh atau mengabaikan amalan etika kerahsiaan walaupun mereka faham dan sedar terhadap kepentingan etika kerahsiaan. Mereka harus lebih menjurus kepada konsep *beneficence* iaitu menyumbang terhadap kesempurnaan dan kepentingan pelanggan. Mereka juga seharusnya bertanggungjawab untuk memberi pertolongan kepada pelanggan yang memerlukan perkhidmatan menolong berdasarkan kepada kemahiran, kompetensi, pengetahuan, profesionalisme dan amalan etika kerahsiaan. Dalam hal ini, amalan etika kerahsiaan jururawat agak membimbangkan kerana mereka adalah agak rapat dengan pelanggan dan doktor. Manakala, setiausaha atau PA lebih membimbangkan kerana mereka adalah lebih dekat dengan maklumat kerahsiaan pelanggan. Semua maklumat pelanggan yang simpan oleh ketua pentadbir dalam sesuatu organisasi juga diketahui oleh setiausaha. Sehubungan dengan itu, adalah meragukan sejauh mana maklumat dan dokumen kerahsiaan pelanggan dapat dipelihara.

Kata kunci : Kefahaman, Kesedaran dan Amalan Etika Kerahsiaan

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	xii
BAB 1 MASALAH KAJIAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Definisi Etika	2
1.3 Definisi Kerahsiaan	3
1.4 Pernyataan Masalah	4
1.5 Kerangka Konseptual Kajian	5
1.5.1 Rasional Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Tujuan Kajian	11
1.7.1 Soalan Kajian	12
1.7.2 Hipotesis Kajian	13
1.8 Definisi Konsep	14
1.8.1 Kerahsiaan	14
1.8.2 Kesedaran	15
1.8.3 Amalan	16
1.8.4 Kerahsiaan	17
1.8.5 Etika	18
1.8.6 Keistimewaan Komunikasi (<i>Privileged Communication</i>)	20

1.8.7	Hak Bersendirian (<i>Privacy</i>)	20
1.10	Kesimpulan	22
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	23
2.0	Pendahuluan	23
2.1	Latar belakang Isu Kerahsiaan	23
2.2	Konsep Etika Kerahsiaan Dari Pelbagai Organisasi Atau Profesion	24
2.2.1	Kod Etika Guru-guru	24
2.3	Kod Etika Perubatan	27
2.3.1	Kod Etika Persatuan Perubatan Dunia	31
2.4	<i>Ethical Standards of the American Association for Counseling and Development (AACD 1988)</i>	32
2.4.1	Kod Etika British Association For Social Work (BASW 1996)	29
2.4.2	Kod Etika American Association for Counseling And Development (AACD, 1988)	30
2.5	<i>The American Psychological Associations (APA's) Ethical Principles of Psychologist and Code of Conduct (APA;s 1992)</i>	35
2.6	Kod Etika Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA, Semakan 2008)	36
2.7	Kod Etika British Association For Social Work (BASW 1996)	41
2.8	Kod Etika American School Counselor Association (1998)	41
2.9	Kod etika polis Panduan dan Langkah-langkah Untuk Melihat Atau Mencetak e-slip gaji PDRM	42
2.10	Kod Etika Penjawat Awam	43
2.10.1	Memperkukuhkan Struktur Organisasi dan Pengurusan Anggota Pperkhidmatan Awam	45
2.11	Prinsip-prinsip Etika Kerahsiaan Dalam Kaunseling	46

2.11.1	Autonomi	46
2.11.2	<i>Beneficence dan Nonmaleficence</i>	47
2.11.3	Keadilan (<i>Justice</i>)	48
2.11.4	Kesetiaan (<i>Fidelity</i>)	48
2.12	Kajian Hak Bersendirian (<i>Privacy</i>)	49
2.13	Kajian Tanggungjawab Peringatan (<i>Duty To Warn</i>)	49
2.14	Kajian Tanggungjawab Perlindungan (<i>Duty To Protect</i>)	53
2.15	Kajian Keistimewaan Komunikasi (<i>Privileged Communication</i>)	55
2.16	Kajian Persetujuan Bermaklum (<i>Informed Consent</i>)	56
2.17	Membocorkan Kerahsiaan (<i>Violations of Confidentiality</i>)	57
2.18	Membocorkan Persetujuan Bermaklum (<i>Violations of Informed Consent</i>)	
2.19	Laporan Mahkamah Berkenaan Kebocoran Kerahsiaan (<i>Violations of Confidentiality</i>) Dalam Amalan	58
2.20	Kerahsiaan Menurut Al-Quran dan Hadis	60
2.21	Kesimpulan	62
BAB 3	METODOLOGI	63
3.1	Pendahuluan	63
3.2	Rekabentuk Kajian	64
3.3	Sampel Kajian	65
3.4	Instrumen Kajian	66
3.5	Kebolehpercayaan dan Kesahan	68
3.6	Andaian Ujian Statistik	70
3.6.1	Ujian ANOVA	71
3.6.2	Analisis Regresi Pelbagai	74
3.7	Penutup	79

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	80
4.1	Pendahuluan	80
4.2	Sampel Kajian Sebenar	80
4.2.1	Analisis Demografi Responden	81
4.3	Analisis Data Kuantitatif Pemboleh Ubah Bersandar Dengan Demografi	83
4.4	Ujian Normaliti Korelasi, Regrasi Pelbagai dan ANOVA Sehala Bagi Taburan Data Pemboleh Ubah Bersandar	83
4.5	Analisis Persoalan Kajian Pertama	95
4.6	Analisis Persoalan Kajian Kedua	98
4.7	Analisis Persoalan Kajian Ketiga : Ujian ANOVA Sehala	104
4.8	PENUTUP	110
BAB 5	RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN	112
5.1	Pendahuluan	112
5.2	Rumusan Kajian	113
5.3	Perbincangan Kajian	114
5.3.1	Dapatan Analisis Persoalan Kajian Satu (1) Untuk Melihat Hubungan Antara Kefahaman, Kesedaran Dan Amalan Etika Kerahsiaan Dalam Kalangan Penjawat Awam Atau Kakitangan Awam Iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM cawangan negeri Melaka), Kakitangan Hospital Kerajaan Dan Swasta Di Negeri Melaka Serta Kakitangan Pentadbiran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).	115
5.3.2	Dapatan Analisis Persoalan Kajian Kedua (2) Untuk Melihat Sumbangan Kefahaman dan Kesedaran terhadap Amalan Etika Kerahsiaan Dalam Kalangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Negeri Melaka, Kakitangan Hospital Kerajaan Dan Swasta Di Negeri Melaka Dan Kakitangan Pentadbiran UTeM	120

5.3.3	Dapatan Analisis Persoalan Kajian Ketiga (3) Untuk Melihat Tidak Wujud Perbezaan Yang Signifikan Kefahaman, Kesedaran Dan Amalan Etika Kerahsiaan Dalam Kalangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Di Negeri Melaka, Kakitangan Hospital Kerajaan Dan Swasta di Negeri Melaka Serta Kakitangan Pentadbiran UTeM dari Pelbagai Latar Belakang	122
5.4	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	126
5.8	Penutup	128
RUJUKAN		129
LAMPIRAN		134
A	Soal Selidik	134
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Di Sekolah	139

SENARAI JADUAL

No. Jadual

Halaman

3.1	Kes Pemboleh ubah Saling Mempengaruhi Antara Satu Sama lain	77
3.2	Pekali-pekali Korelasi Berdasarkan Skala Pengukuran Pemboleh Ubah	79
4.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina Atlet	81
4.2	Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan	81
4.3	Taburan Responden berdasarkan Organisasi	82
4.4	Taburan Responden Berdasarkan penglibatan dalam kejohanan sukan	82
4.5	Deskriptif Ujian Normaliti Kefahaman Kerahsiaan	85
4.6	Ujian Normaliti Kefahaman Kerahsiaan	86
4.7	Deskriptif Ujian Normaliti Kesedaran Etika Kerahsiaan	88
4.8	Ujian Normaliti Kolomogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk Kesedaran Etika Kerahsiaan	89
4.9	Deskriptif Ujian Normaliti Amalan Etika Kerahsiaan	92
4.10	Ujian Normaliti Amalan Etika Kerahsiaan	92
4.11	Ujian Box's M	96
4.12	Korelasi Pearson Antara Kefahaman, Kesedaran Dan Amalan Etika Kerahsiaan	97
4.13	Nilai <i>Collinearity Tolerance</i> Antara Pemboleh Ubah Bersandar Kefahaman Dan Kesedaran Kepada Amalan Etika Kerahsiaan Dalam Kalangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Negeri Melaka, Kakitangan Hospital Kerajaan dan Swasta Di Negeri Melaka Dan Kakitangan Pentadbiran UTeM	100

4.14	<i>Model Summary</i> Amalan Etika Kerahsiaan	101
4.15	Analisis Varians Amalan Etika Kerahsiaan	101
4.16	Sumbangan Faktor Kesedaran Terhadap Amalan Etika Kerahsiaan Dalam Penjawat Awam	101
4.17	Ujian Kesamaan Varian Kefahaman, Kesedaran Dan Amalan Etika Kerahsiaan Dengan Faktor Pekerjaan	107
4.18	Ujian <i>Robust Test of Equality of Means</i> terhadap Kesedaran dan Amalan Etika Kerahsiaan iaitu Ujian Welsh dan Brown-Forsythe	107
4.19	Ujian ANOVA Sehala Perbezaan Kefahaman Etika Kerahsian Dengan Faktor Pekerjaan	108
4.20	Min Kefahaman Etika Kerahsiaan Dengan Pekerjaan	109

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1	Menunjukkan Tiga Komponen Etika Kerahsiaan	6
1.2	Model Penilaian CIPP Stufflebeam et al. (1971)	9
2.1	Kerangka Konseptual Kajian	10
4.1	Histogram Ujian Normaliti Kefahaman Kerahsiaan	86
4.2	Boxplot Kefahaman Kerahsiaan	87
4.3	<i>Normal Probability Plot</i> Kefahaman Kerahsiaan	88
4.4	Histogram Ujian Normaliti Kesedaran Etika Kerahsiaan	89
4.5	<i>Boxplot</i> Kesedaran Etika Kerahsiaan	90
4.6	<i>Normal Probability Plot</i> Kesedaran Etika Kerahsiaan	91
4.7	Histogram Ujian Normaliti Amalan Etika Kerahsiaan	93
4.8	<i>Boxplot</i> Amalan Etika Kerahsiaan	94
4.9	<i>Normal Probability Plot</i> Amalan Etika Kerahsiaan	94
4.10	Plot Kebarangkalian Normal Bagi Regresi Faktor Kefahaman Dan Kesedaran Ke Atas Amalan Etika Kerahsiaan	103
4.11	Plot Reja Lawan Nilai Diramal Bagi Regresi Faktor Kefahaman dan Kesedaran Ke Atas Amalan Etika Kerahsiaan	103
4.12	Min Plot Kefahaman Etika Kerahsiaan Bagi Pekerjaan	109

SENARAI SINGKATAN

PDRM	Polis Diraja Malaysia
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Sciences</i>
UTeM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara Malaysia

BAB 1

MASALAH KAJIAN

1.1 PENDAHULUAN

Kerahsiaan merupakan satu konsep yang mempunyai implikasi etika dan perundangan untuk pengamal kesihatan mental. Konsep ini mudah difahami tetapi agak sukar untuk diimplimentasikan disebabkan oleh faktor-faktor yang kompleks yang perlu dipertimbangkan oleh pengamal kesihatan mental, kaunselor dan Ahli Psikologi (Noriah 2004).

Kerahsiaan adalah isu yang menyentuh nilai-nilai dan kepercayaan semua kumpulan yang ada hubung kait dengan seseorang kaunselor atau pengamal kesihatan mental. Kaunselor yang bertugas di sekolah berkhidmat kepada suatu populasi kanak-kanak dan remaja yang besar. Justeru, kaunselor sering terdedah kepada demand kelompok tertentu tentang 'apa yang sebenarnya berlaku'. Misalnya, ibu bapa ingin mengetahui isu-isu yang membelenggu anak-anak mereka. Guru-guru dan pentadbir sekolah ingin mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar agar keperluan mereka dipenuhi. Manakala, masyarakat memerlukan informasi agar individu dilindungi dan batas-batas kerahsiaan pula menjadi milik masyarakat (Susan & Cowles 1991).

Dalam hal ini, obligasi atau tanggungjawab yang penting bagi pengamal kesihatan mental adalah untuk menjamin isu kerahsiaan klien. Klien mempunyai hak agar komunikasi mereka dirahsiakan. Manakala, para pengamal kesihatan mental pula bertanggungjawab terhadap etika dan legal profesionalisme untuk melindungi klien daripada pendedahan maklumat yang tidak dizinkan hasil daripada hubungan terapeutik tersebut (Corey, Corey & Callanan 2003)

Menurut Corey (2001) tidak mungkin wujud satu hubungan terapi yang asli kecuali klien mempunyai kepercayaan yang padu bahawa maklumat-maklumat yang diperolehi oleh kaunselor tidak diketahui umum. Masalah akan timbul dan perlu dihadapi oleh seseorang kaunselor adalah pihak ketiga yang meminta agar rahsia klien didedahkan tanpa keizinan klien (Glossoff, Herlihy & Spence 2000).

Dalam hal ini, bukan sahaja para kaunselor, pengamal-pengamal kesihatan mental bahkan kakitangan awam termasuk penjawat awam seperti pihak polis, doktor, jururawat dan kakitangan pentadbiran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) iaitu khususnya Penolong pendaftar dan kerani adalah tertakluk dalam memelihara etika kerahsiaan organisasi masing-masing.

1.2 Definisi Etika

Etika bermaksud prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan, dll). Etika dalam bidang perubatan adalah nilai dan garis panduan yang harus dipatuhi oleh para doktor dalam pengamalan perubatan masing-masing (Kamus Dewan 1994). The New International Webster's Pocket Dictionary (1997) mengatakan etika bermaksud 'falsafah dan ilmu tentang perlakuan manusia, yang merujuk kepada keinginan kuat terhadap tindakan betul atau salah'. Etika juga bererti prinsip-prinsip asas sesuatu tindakan yang betul terutamanya terhadap seseorang individu tertentu, profesion dan sebagainya.

Borchart (1999) mengatakan bahawa etika bermaksud rasional dan dikhususkan kepada perkara kehendak-kehendak moral. Wysocki (2001) menyatakan etika adalah berkenaan perkara-perkara baik dan buruk, salah dan betul serta nilai-nilai individu. Sesuatu isu itu mungkin dipandang beretika oleh seseorang tetapi tidak bagi orang lain. Secara umum etika adalah berhubung prinsip yang mengawal tingkah laku manusia, satu falsafah disiplin tentang tingkah laku dan moral manusia, panduan tingkah

laku berkenaan “betul” dan “salah”, nilai-nilai, peraturan-peraturan dan undang-undang yang diterima (Kjos 1996)

Othman Mohamed (2000) menyatakan etika dan perlakuan beretika adalah sesuatu tindakan yang menuntut keakurann terhadap piawaian profesional serta penghakimannya tentang apa yang dianggap betul dan salah. Manakala kod etika pula merupakan tatasusila yang menentukan peraturan kawalan diri terhadap praktis yang dijalankan oleh ahli sesuatu profesion. Ianya merupakan standard asas bagi mencerminkan satu praktis profesional.

1.3 Definisi Kerahsiaan

Menurut Corey, Corey & Callanan (1984), kerahsiaan, hak keistimewaan komunikasi (*privileged communication*) dan hak bersendirian (*privacy*) adalah konsep-konsep yang saling lengkap-melengkapi tetapi mempunyai kelainan atau perbezaannya. Kerahsiaan adalah berkaitan dengan perkara-perkara etika profesional. Kerahsiaan melindungi klien daripada pendedahan-pendedahan dalam pelbagai bentuk yang dilakukan oleh ahli-ahli profesional tanpa keizinan atau ‘informed consent’ daripada klien. Seterusnya, kerahsiaan bertujuan untuk melindungi hak-hak klien dan menghalang pelanggaran kerahsiaan. Kerahsiaan melibatkan etika profesionalisme berbanding dengan perundangan dan ia menandakan suatu bentuk kontrak atau perjanjian untuk tidak mendedahkan sebarang perkara tentang individu kecuali dalam sesuatu situasi yang dipersetujui bersama oleh sumber atau subjek (klien). Kerahsiaan berasal daripada kod etika profesional tetapi telah digabungkan dalam perundangan dan peraturan mahkamah. Justeru, mendedahkan komunikasi klien bukan sahaja membuatkan ahli psikologi tertakluk kepada teguran yang terdapat dalam etika profesionalisme tetapi melibatkan isu sivil atau liabiliti jenayah.

1.4 Pernyataan Masalah

Membocorkan kerahsiaan secara tidak profesional akan mendedahkan pengamal kesihatan mental (*mental-health practitioner*) iaitu doktor, jururawat dan agensi yang terlibat dalam bidang ini disingkirkan daripada pertubuhan profesional dan menghadapi pendakwaan penyelewengan dalam menjalankan tugas atau tanggungjawab profesionalisme (Eddington & Shuman 2003).

Kerahsiaan penting kerana pendedahan terhadap sesuatu maklumat sensitif dan 'intimate' atau terlalu personal adalah amat berpotensi untuk membahayakan diri seseorang individu atau menghancurkan sesuatu institusi mahupun organisasi. Misalnya, apabila Pengerusi Syarikat Walt Disney – Michael Eisner mengalami masalah serangan sakit jantung, beliau telah mendaftar di sebuah hospital dengan menggunakan nama samaran kerana takut pendedahan penyakitnya dibongkar (Manning 1993).

Begitu juga, persoalan etika berhubung kerahsiaan akan timbul dan dipertikaikan apabila kajian talian terus ('*kajian on-line*') untuk mendapatkan data-data kajian daripada peserta-peserta melalui internet dijalankan. Dalam hal ini, didapati bahawa penggodam (*computer hackers*) boleh menceroth terhadap respond yang diberikan oleh peserta-peserta kajian talian terus. Lebih malang lagi sekiranya maklumat peserta dicerobohi khususnya tentang isu-isu sensitif seperti jenayah atau tingkah laku seksual (Hamilton 1999). Isu ini akan menjadi lebih tidak terkawal apabila maklumat kerahsiaan tersebut didedahkan ke dalam blog-blog sensitif.

Dalam kajian yang dibuat oleh Gottfried (2000) terhadap pelanggaran amalan amalan etika "NASW Code Violations, 1986-97" dalam kalangan pekerja sosial mendapati terdapat sejumlah 41 kes membocorkan kerahsiaan klien (*violations reflected breaches in clients' confidentiality*). Contoh pendedahan maklumat kerahsiaan klien yang telah dibocorkan iaitu:


- a) pendedahan kerahsiaan yang melibatkan keluarga atau rakan-rakan klien adalah sebanyak 10 kes,
- b) pendedahan kerahsiaan dengan rakan sejawat adalah sebanyak 10 kes,
- c) pendedahan kerahsiaan dengan lain-lain klien adalah sebanyak 10 kes,
- d) pendedahan kerahsiaan yang didedahkan oleh laporan mahkamah atau prosiding adalah sebanyak 5 kes,
- e) pendedahan kerahsiaan dengan rakan-rakan klien atau keluarga adalah sebanyak 3 kes, dan
- f) pendedahan dengan penjamin atau organisasi lain adalah asebanyak 3 kes.

1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini cuba melihat kesedaran penjawat awam seperti polis dan kakitangan pentadbiran UTeM, doktor dan jururawat ke atas isu kerahsiaan serta implikasinya terhadap kewibawaan mereka menjalankan tugas bagi melindungi kepentingan terhadap klien yang berhubung kait dengan mereka. Perkara yang menjadi keutamaan kepada kejayaan membantu klien mendapat perkhidmatan menolong yang berkesan ialah faktor kompetensi, kecekapan dan amalan etika kerahsiaan yang diamalkan kakitangan awam tersebut . Dalam hal ini, faktor atau komponen etika kerahsiaan yang dianggap saling melengkapi antara satu sama lain ialah:

- i. Pengetahuan yang luas dan mahir yang tinggi dalam aspek kefahaman dan kefahaman kerahsiaan.
- ii. Kesedaran terhadap etika kerahsiaan.
- iii. Kepatuhan dalam melaksanakan amalan etika kerahsiaan yang diperakukan bersama-sama klien.

Ketiga-tiga komponen iaitu faktor kefahaman (legal dan etika), kesedaran dan amalan yang saling melengkapi itu dapat dilihat pada Rajah 1.1 di bawah.



Rajah 1.1 ; Menunjukkan Tiga Komponen Etika Kerahsiaan

Menurut Badzek, Mitchell, Marra, dan Bower (1998) pengendalian maklumat kerahsiaan memerlukan kesedaran, kefahaman dan kemahiran mengaplikasi amalan etika kerahsiaan. Proses yang cuba diteliti dalam kajian ini, iaitu sekiranya seseorang penjawat awam seperti polis dan kakitangan pentadbiran UTeM, doktor dan jururawat didapati tidak patuh terhadap amalan etika kerahsiaan seperti membocorkan kerahsiaan klien, kepercayaan klien terhadap organisasi berkenaan akan musnah. Justeru, penjawat awam seperti polis dan kakitangan pentadbiran UTeM, doktor dan jururawat berkenaan hendaklah memantapkan faktor kefahaman (etika dan legal) kerahsiaan. Setelah input faktor kefahaman (etika dan legal) etika kerahsiaan menjadi mantap, proses pengukuhan terhadap faktor kesedaran hendaklah dibina dalam minda dan hati nurani penjawat awam seperti polis dan kakitangan pentadbiran UTeM, doktor dan jururawat. Apabila proses kefahaman (etika dan legal) dan kesedaran terhadap etika kerahsiaan dapat dijana atau dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Maka, pelaksanaan faktor amalan etika kerahsiaan dapat dilaksanakan dengan baik seiring dengan kedua-dua faktor kefahaman (legal dan etika) dan kesedaran etika kerahsiaan. Ketiga-tiga komponen utama dalam kerangka konseptual kajian ini, iaitu proses kefahaman (legal dan etika), kesedaran dan amalan etika kerahsiaan ini akan dijelaskan melalui pendekatan model penilaian CIPP oleh Stufflebeam (Stufflebeam, Foley, Gephart, Guba, Hammond, Merriman, dan Provus 1971) di bawah ini.

Kajian literatur berkaitan dengan isu etika dan kerahsiaan telah banyak diterbitkan di luar negara. Namun kajian sedemikian sangat sedikit dilakukan di Malaysia. Namun melalui pembacaan yang telah dijalankan, tidak terdapat satu teori yang boleh menerangkan hubung kait antara kefahaman, kesedaran dan amalan seseorang penjawat awam seperti polis dan kakitangan pentadbiran UTeM, doktor dan jururawat dalam mengendalikan isu etika kerahsiaan. Justeru, kajian ini menggunakan model CIPP Stufflebeam et.al (1971) untuk menilai hubung kait antara ketiga-tiga aspek tersebut dan ia menjadi penilaian CIPP oleh sebagai asas kepada pembentukan kerangka konseptual kajian ini. CIPP dipilih memandangkan pengkaji cuba melihat isu kerahsiaan sebagai satu proses yang dilalui oleh seseorang penjawat awam seperti polis dan kakitangan pentadbiran UTeM, doktor dan jururawat dalam memberikan perkhidmatan bantuan dan pertolongan kepada orang ramai atau masyarakat. Untuk mengamalkan etika kerahsiaan, mereka perlu mempunyai input tentang pengetahuan dan maklumat berkaitan dengan itu tersebut. Ini akan melahirkan kesedaran yang tinggi dalam amalan mereka. Amalan di sini, boleh dianggap sebagai hasil atau output dari proses kefahaman dan kesedaran. CIPP mempunyai empat komponen yang terdiri daripada penilaian konteks, input, proses dan produk yang selari dengan apa yang cuba dikaji oleh penyelidik. Rudzi (2003) menyatakan bahawa model penilaian CIPP telah diguna pakai secara berkesan dalam kebanyakan konteks pendidikan atau kajian sains sosial dan ia sesuai digunakan untuk melihat keberkesanan sesuatu proses yang dilakukan atau yang berlaku.

Dalam Model Kerangka Konseptual Penilaian CIPP Stufflebeam, penilaian konteks banyak menyumbang atau mempengaruhi penilaian input. Penilaian konteks dalam model ini meliputi perkara-perkara demografi seperti latihan (ceramah, bengkel, seminar, konvensyen dan kolokium), pengalaman sebagai penjawat awam seperti polis dan kakitangan pentadbiran UTeM, doktor dan jururawat, penyeliaan atau praktikum, kelulusan dan keanggotaan mereka dalam pertubuhan organisasi mereka. Proses demografi seperti latihan, pengalaman, penyeliaan, kelulusan dan keahlian profesional dalam bidang masing-masing akan mempengaruhi atau menyumbang kepada proses penilaian input.


Penilaian input dalam Model Kerangka Konseptual Penilaian CIPP Stufflebeam iaitu merangkumi perkara-perkara tentang faktor kefahaman kerahsiaan. Input terhadap faktor kefahaman ini dipengaruhi atau disumbangkan oleh faktor demografi. Kekuatan penilaian input ini bergantung kepada kemantapan proses penilaian konteks iaitu demografi. Perkara-perkara seperti taraf latihan, pengalaman, penyeliaan, kelulusan dan keahlian profesional dalam bidang masing-masing (penjawat awam seperti polis dan kakitangan pentadbiran UTeM, doktor dan jururawat) akan memperkukuhkan proses penilaian input.

Penilaian proses dalam konteks Model Kerangka Konseptual Penilaian CIPP Stufflebeam ini meliputi perkara kesedaran etika kerahsiaan. Dalam hal ini, kesedaran etika kerahsiaan sukar diimplimentasikan sekiranya proses penilaian input dan penilaian konteks penjawat awam seperti polis dan kakitangan pentadbiran UTeM, doktor dan jururawat tidak kukuh. Penilaian proses iaitu faktor kesedaran etika kerahsiaan hanya akan berfungsi sekiranya mereka iaitu penjawat awam seperti polis dan kakitangan pentadbiran UTeM, doktor dan jururawat telah menerima latihan, pengalaman, penyeliaan, kelulusan dan keahlian profesional dalam bidang masing-masing dengan baik. Penilaian proses iaitu kesedaran etika kerahsiaan banyak dipengaruhi oleh penilaian konteks dan penilaian input.

Manakala penilaian produk dalam konteks Model Kerangka Konseptual Penilaian CIPP Stufflebeam ini meliputi perkara amalan etika kerahsiaan. Dalam konteks penilaian produk ini, iaitu amalan etika kerahsiaan akan dapat dilaksanakan dengan baik jika proses penilaian konteks, penilaian input dan penilaian proses berkorelasi sempurna. Ini bererti pelaksanaan amalan etika kerahsiaan dalam proses penilaian produk ini banyak bergantung kepada kesempurnaan proses-proses penilaian konteks, input dan penilaian proses. Sekiranya semua proses penilaian konteks, input dan proses kukuh dalam diri penjawat awam seperti polis dan kakitangan pentadbiran UTeM, doktor dan jururawat maka, pelaksanaan amalan etika kerahsiaan akan menjadi mantap. Dalam hal ini, klien


akan percaya dan yakin terhadap kewibawaan sesuatu organisasi seperti polis, hospital dan kakitangan pentadbiran UTeM jika etika kerahsiaan dipelihara.

Keempat-empat proses iaitu penilaian konteks, input, proses dan produk dalam Model Kerangka Konseptual Penilaian CIPP Stufflebeam et.al (1971) yang telah dibincangkan dapat dilihat pada Rajah 1.2 di bawah:



RAJAH 1.2 Model Penilaian CIPP Stufflebeam et al. (1971)

Justeru, pendidikan, kefahaman, kesedaran dan amalan kerahsiaan adalah perlu seperti yang dapat digariskan dalam kerangka konseptual kajian pada Rajah 1.3 berikut di bawah ini:-



Rajah 1.3 Kerangka Konseptual Kajian

1.5.1 Rasional Kajian

Membocorkan kerahsiaan secara tidak profesional mendedahkan pengamal-pengamal kesihatan mental seperti doktor, jururawat, polis dan kakitangan pentadbiran UTeM kepada '*ethical and legal sanctions*', perlesenan dibatalkan, dipecat dari pertubuhan profesional. Justeru, kajian ini adalah bertepatan dan bersesuaian dengan masa dan ketikanya agar pihak perkhidmatan polis, hospital dan staf UTeM faham dan sedar bahawa isu kerahsiaan (legal dan etika kerahsiaan) akan memandu mereka mempunyai kredibiliti dan akauntabiliti dalam profesion menolong (Badzek et. al., 1998).

1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kepada apa yang telah dibincangkan maka, kepentingan kajian ini adalah untuk menimbulkan kesedaran kepada pihak kakitangan PDRM, hospital dan staf pentadbiran UTeM faham dan sedar terhadap isu legal dan etika kerahsiaan. Misalnya, pengabaian atau mengambil mudah terhadap perkara legal dan etika kerahsiaan boleh menyebabkan mereka disabitkan kesalahan membocorkan kerahsiaan dan mereka boleh didakwa di mahkamah.

Sebagai contoh, *Section 202 of the Penal Code (Act 574)* menyebut sesiapa sahaja yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan akan dilakukan secara sengaja harus memberi maklumat terhadap kesalahan tersebut, yang mana dia secara legal perlu menyampaikan maklumat tersebut, akan dikenakan penjara dari satu tempuh hingga enam bulan atau dikenakan denda atau kedua-duanya sekali sekiranya gagal memberi maklumat terlebih dahulu sebelum kejadian itu dilakukan (Lee 2003).

1.7 Tujuan Kajian / Objektif Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kajian ini secara umum bertujuan untuk melihat dan mengenal pasti sama ada faktor kefahaman, kesedaran (terhadap isu legal dan etika kerahsiaan menjadi amalan dalam kalangan penjawat awam atau kakitangan awam iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM cawangan negeri Melaka), kakitangan hospital kerajaan dan swasta di negeri Melaka serta kakitangan pentadbiran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Seterusnya, kajian ini ingin melihat sama ada kefahaman, kesedaran dan amalan etika kerahsiaan mempunyai hubungan, perbezaan atau sumbangan dengan elemen-elemen demografi seperti jantina, kelulusan, pekerjaan atau perjawatan dalam pelbagai pangkat.

Secara spesifik, objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Melihat hubungan antara kefahaman, kesedaran dan amalan etika kerahsiaan dalam kalangan penjawat awam atau kakitangan awam iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM cawangan negeri Melaka), kakitangan hospital kerajaan dan swasta di negeri Melaka serta kakitangan pentadbiran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
- ii. Melihat adakah kefahaman dan kesedaran menyumbang kepada amalan etika kerahsiaan dalam kalangan penjawat awam atau kakitangan awam iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM cawangan negeri Melaka), kakitangan hospital kerajaan dan